

09/06/1998

Sistem barter ganti ringgit: PM

Kamal Ahmad; Ebi Azly Abdullah

SEPANG, Isnin - Kerajaan tidak lagi bimbang dengan pergerakan ringgit berbanding dolar Amerika kerana negara kini bergerak ke arah pelaksanaan perdagangan barter, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menerusi penggunaan sistem barter dalam perdagangan antarabangsa, kata Perdana Menteri, nilai sebenar barangan tidak meningkat atau menurun walaupun kadar mata wang berubah.

"Kerajaan tidak begitu bimbang lagi (dengan kenaikan ringgit). Ketika ia naik ke paras RM4.80 (berbanding dolar Amerika), ia menurun semula... kerana ia adalah suatu permainan yang kita tidak boleh kawal.

"Jadi apa yang perlu dilakukan ialah untuk meninggalkan penggunaan ringgit. Ini boleh dilakukan dengan mudah melalui pelaksanaan counter-trade atau perdagangan barter," katanya kepada pemberita selepas melawat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, petang ini.

Nilai ringgit pagi ini mencapai RM4.00 sehingga RM4.15 berbanding dolar Amerika. Sehingga penutup, ringgit berada pada 3.9950/005 berbanding dolar Amerika.

Malaysia dijangka melaksanakan perdagangan counter-trade atau barter dalam usaha mengurangkan pergantungan terhadap dolar Amerika.

Perdana Menteri menjelaskan, perdagangan barter tidak bermakna barangan akan dibawa untuk ditukar, sebaliknya membabitkan pengiraan nilai sebenar eksport dan import barangan terbabit.

Beliau memberi contoh sebuah komputer peribadi berharga AS\$700 dan setan kelapa sawit akan tetap mempunyai nilai yang sama walaupun kadar ringgit naik atau menurun.

"Sama ada ringgit naik atau turun, ia masih AS\$700, jadi ia tidak ada perbezaan sama sekali," katanya.

(END)